



Kesukaran Membuat Keputusan dan Perspektif Masa serta Hubungannya dengan Ketidakpastian Kerjaya

(Decision-making Difficulties and Time Perspective and Their Relationship with Career Uncertainty)

Nur Izzah Anis Khairi^{1*} , Shahlan Surat² 

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: p141256@siswa.ukm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: drshahlan@ukm.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Nur Izzah Anis
(p141256@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Kesukaran membuat keputusan
Perspektif masa
Ketidakpastian kerjaya

KEYWORDS:

Decision-making difficulties
Time perspective
Career uncertainty

CITATION:

Nur Izzah Anis Khairi, & Shahlan Surat.
(2025). Kesukaran Membuat Keputusan dan Perspektif Masa serta Hubungannya dengan Ketidakpastian Kerjaya. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 10(8), e003528.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i8.3528>

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat tahap kesukaran membuat keputusan, jenis perspektif masa yang dominan dan tahap ketidakpastian kerjaya dalam kalangan siswazah di Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di daerah Hulu Langat. Kesukaran membuat keputusan, perspektif masa dan ketidakpastian kerjaya berkait rapat dengan cabaran untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dalam dunia pekerjaan. Dalam kajian ini, reka bentuk kajian tinjauan dengan pendekatan kuantitatif telah digunakan dan seramai 150 siswazah di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor telah mengambil bahagian. Data dikumpul melalui borang soal selidik (*Google Form*) yang terdiri daripada empat bahagian, iaitu bahagian A: Maklumat Demografi, bahagian B: Tahap Kesukaran Membuat Keputusan, bahagian C: Jenis Perspektif Masa yang Dominan dan bahagian D: Tahap Ketidakpastian Kerjaya dalam Kalangan Siswazah di Fakulti Pendidikan UKM yang diedarkan melalui aplikasi *WhatsApp*. Siswazah diberi tempoh selama sebulan untuk menjawab soal selidik. Data dianalisis menggunakan perisian *IBM Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 27.0. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kesukaran membuat keputusan dalam kalangan siswazah berada pada tahap sederhana rendah (min = 2.84), jenis perspektif masa yang dominan dalam kalangan siswazah ialah perspektif masa hadapan (min = 3.39) dan tahap ketidakpastian kerjaya berada pada tahap sederhana rendah (min = 2.97). Hasil analisis korelasi *Spearman Rho* menunjukkan terdapat hubungan linear yang positif yang kuat antara kesukaran membuat keputusan dan ketidakpastian kerjaya ($r = 0.735$, $p < 0.001$). Hal ini menunjukkan bahawa apabila siswazah mempunyai kesukaran membuat keputusan, ketidakpastian kerjaya juga meningkat. Pelaksanaan kajian ini diharapkan dapat

membantu institut pengajian tinggi, pihak kementerian dan kaunselor dalam mengenal pasti kesukaran membuat keputusan, perspektif masa dan ketidakpastian kerjaya.

ABSTRACT

This study was conducted to examine the level of decision-making difficulties, the dominant time perspective among graduates and the level of career uncertainty among graduates of the Faculty of Education at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) in the Hulu Langat district. Decision-making difficulties and time perspective and career uncertainty are closely related to the challenges graduates face in adapting to changes in the world of work. In this study, a survey study design with a quantitative approach was used, and 150 graduates from the Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor participated in this study. The data was collected through a questionnaire (Google Form) consisting of four parts, namely: Part A: Demographic Information, Part B: Level of Decision-Making Difficulties, Part C: Dominant Time Perspective and Part D: Level of Career Uncertainty among Graduates of the Faculty of Education at UKM. The questionnaire was distributed via the WhatsApp application, and participants were given one month to respond. The data was analyzed using IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) version 27.0. Study results show that graduates have a low moderate level of decision-making difficulty (min = 2.84), the dominant time perspective is the future time perspective (min =3.39) and the level of career uncertainty is low moderate (min =2.97). The results of Spearman Rho's correlation analysis show that there is highly positive linear relationship between decision-making difficulties and career uncertainty ($r = 0.735, p < 0.001$). This suggest that when graduates face difficulties in making decisions, their career uncertainty tends to increase. This study is expected to help universities, the Ministry, and career counselors identify decision making difficulties, time perspectives, and career uncertainty among graduates.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada berkenaan kesukaran membuat keputusan dan perspektif masa serta hubungannya dengan ketidakpastian kerjaya, seterusnya dapat dijadikan asas bagi mengukuhkan aspek masa depan kerjaya dalam kalangan pelajar dan siswazah.

1. Pengenalan

Dalam dunia kerjaya yang semakin mencabar, siswazah harus melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang relevan, di mana kesukaran membuat keputusan dan perspektif masa memainkan peranan dalam membantu mereka merancang masa depan kerjaya yang lebih stabil dan berjaya. Ketidakpastian kerjaya perlu diberikan perhatian secara menyeluruh kerana perkara ini mencerminkan cabaran besar yang dihadapi oleh siswazah pada masa kini dalam merancang laluan kerjaya mereka dalam persekitaran

dunia kerja yang semakin kompleks dan tidak menentu. Ketidakpastian kerjaya merupakan sebahagian daripada proses perkembangan kerjaya yang normal, terutamanya semasa peralihan ke peringkat dewasa yang berlaku apabila individu berhadapan dengan pengadaptasian kepada perkara-perkara baru dalam kehidupan profesional mereka, seperti ketidaktentuan mengenai pilihan kerjaya atau masa depan pekerjaan yang tidak jelas.

Individu yang mempunyai rancangan kerjaya yang baik kurang kecenderungan untuk mempunyai kesukaran dalam menentukan keputusan kerjaya dan efektif diri yang tinggi (Amir & Gati, 2006). Masalah pekerjaan yang dihadapi oleh siswazah, seperti tekanan pekerjaan dan kesukaran membuat keputusan kerjaya, telah menjadi kebimbangan sosial. Individu mesti mempertimbangkan kerjaya secara menyeluruh itu dan pelbagai faktor yang bersesuaian dengan kapasiti diri. Oleh itu, ramai individu bakal berdepan dengan kesukaran dalam mencari kerjaya serta merumitkan proses membuat keputusan. Individu yang kurang berkeyakinan tentang aspirasi kerjaya mereka berkemungkinan menghadapi ketidakstabilan kerjaya di masa depan dan kemerosotan dalam pencapaian pendidikan, yang membawa kepada gaji yang lebih rendah (Hackett & Betz, 1995). Selain itu, ketidakpastian kerjaya boleh menyebabkan tekanan dan kebimbangan (Campagna & Curtis, 2007) dan tekanan ini boleh memberi kesan negatif kepada kesejahteraan psikologi (Creed et al., 2005). Tambahan pula, dalam kajian ketidakpastian, pengkaji mendapati bahawa pelajar yang teragak-agak dalam membuat keputusan kerjaya, berkemungkinan kurang keyakinan terhadap kerjaya (Hartman et al., 1985).

Walaupun terdapat pelbagai kajian yang telah meneliti cita-cita pelajaran dan faktor sosiodemografi seperti status sosioekonomi dan pengaruh ibu bapa dalam meramalkan kesinambungan pelajar dalam pendidikan tinggi (Poynton & Lapan, 2017), namun kajian-kajian ini lebih memfokuskan kepada hasrat melanjutkan pelajaran dan faktor luaran yang mempengaruhi pilihan akademik. Sebaliknya, aspek dalaman individu seperti kesukaran membuat keputusan dan perspektif masa masih kurang diberi perhatian, khususnya dari sudut hubungannya dengan ketidakpastian kerjaya. Tambahan pula, kajian-kajian lepas cenderung memberi penekanan kepada hasil seperti kadar pengekalan dalam pengajian tinggi dan bukan terhadap proses psikologi dalaman yang mempengaruhi keputusan kerjaya dalam kalangan lepasan universiti. Oleh itu, kajian ini cuba merapatkan jurang tersebut dengan meneliti bagaimana kesukaran membuat keputusan dan perspektif masa boleh mempengaruhi tahap ketidakpastian dalam membuat keputusan kerjaya yang merupakan aspek penting dalam perancangan masa depan siswazah.

1.1. Permasalahan Kajian

Ketidakpastian kerjaya merupakan isu utama yang kerap dihadapi oleh siswazah kerana ia bukan sahaja menjejaskan keputusan kerjaya individu, malahan turut memberi kesan kepada kestabilan pasaran kerja dan produktiviti ekonomi negara. Menurut American College Testing Program (2000), ketidakpastian kerjaya sering berlaku apabila pelajar beralih daripada alam persekolahan ke alam pekerjaan. Fenomena ini juga dialami oleh graduan universiti, di mana mereka terpaksa membuat keputusan kerjaya yang sesuai dengan kemahiran, minat dan kehendak pasaran kerja yang sentiasa berubah.

Kajian oleh Gati, Krausz, dan Osipow (1996) menggariskan beberapa cabaran utama yang menyumbang kepada ketidakpastian kerjaya. Antaranya ialah kesukaran menilai dan mengimbangi pilihan kerjaya berdasarkan nilai peribadi, minat, serta keperluan pasaran

kerja. Masalah ini semakin ketara dalam kalangan siswazah baharu yang mungkin kurang mempunyai maklumat mendalam tentang pelbagai bidang pekerjaan atau tidak memahami impak perubahan ekonomi terhadap peluang kerjaya masa depan mereka.

Selain itu, ketidakpastian kerjaya juga dipengaruhi oleh peranan jantina. [Vignoli et al. \(2009\)](#) menemui bahawa tekanan sosial dan budaya membawa perbezaan pengalaman antara lelaki dan wanita dalam membuat pilihan kerjaya. Wanita, misalnya, mungkin merasa terhad oleh jangkaan masyarakat yang menekankan kestabilan kerjaya serta keperluan menyeimbangkan tugas keluarga. Sebaliknya, lelaki cenderung menilai kerjaya berdasarkan autonomi dan prospek kemajuan profesional. Ketidakeimbangan ini seterusnya menimbulkan jenis ketidakpastian yang berbeza bagi kedua-dua jantina semasa proses membuat keputusan kerjaya.

1.2. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan dengan objektif untuk :

- i. Mengenal pasti tahap kesukaran membuat keputusan dalam kalangan siswazah di Fakulti Pendidikan UKM.
- ii. Menentukan jenis perspektif masa yang dominan dalam kalangan siswazah di Fakulti Pendidikan UKM.
- iii. Mengenal pasti tahap ketidakpastian kerjaya dalam kalangan siswazah di Fakulti Pendidikan UKM.
- iv. Mengenal pasti hubungan antara kesukaran membuat keputusan dengan ketidakpastian kerjaya dalam kalangan siswazah di Fakulti Pendidikan UKM.

2. Sorotan Literatur

Isu pemilihan kerjaya dalam kalangan siswazah sering menjadi perbincangan kerana proses tersebut melibatkan pelbagai dimensi kemahiran dan cabaran yang kompleks. [Storme dan Celik \(2018\)](#) menyatakan bahawa proses pemilihan kerjaya merupakan suatu proses yang rumit dan memerlukan gabungan pengetahuan, kemahiran serta pengalaman dalam membuat keputusan kerjaya. Kajian ini menekankan keperluan kemahiran tersebut dalam kalangan individu yang sedang menentukan laluan masa depan mereka.

Selaras dengan itu, kajian oleh [Abdullah et al. \(2018\)](#) menunjukkan bahawa ramai graduan universiti di Malaysia masih kurang dalam kemahiran insaniah serta keupayaan mencari kerja, yang akhirnya menjejaskan kebolehan mereka membuat keputusan berkaitan kerjaya. Kekurangan ini menyumbang kepada ketidaktentuan dalam perkembangan kerjaya graduan, khususnya apabila mereka perlu berhadapan dengan pelbagai pilihan dalam pasaran kerja. Tambahan pula, [Gati et al. \(2019\)](#) mendapati bahawa individu yang mempunyai kemahiran membuat keputusan yang kukuh lebih berpeluang mencapai pembangunan kerjaya yang berjaya. Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran membuat keputusan adalah salah satu komponen penting dalam menentukan hala tuju kerjaya siswazah.

Di samping itu, perspektif masa turut memainkan peranan penting dalam pemilihan kerjaya. [Carvalho \(2015\)](#) dalam kajiannya mendapati bahawa pelajar yang mempunyai perspektif masa hadapan yang jelas menunjukkan tingkah laku yang lebih bermotivasi, mudah menyesuaikan diri dengan perubahan sekolah, dan lebih berpuas hati dengan kehidupan mereka. Kajian ini membuktikan bahawa sikap terhadap masa memberi kesan terhadap pembentukan tingkah laku dan pengurusan diri pelajar. Sebaliknya, pengabaian

terhadap perspektif masa boleh mengundang konflik dalaman serta menjejaskan perancangan masa depan. Tambahan lagi, [Baguri, Roslan dan Ahmad \(2020\)](#) menemui hubungan positif yang lemah tetapi signifikan antara penangguhan akademik dengan perspektif masa kini hedonistik dan fatalistik. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap perspektif masa seseorang berhubung rapat dengan kecenderungan mereka menanggungjawab, yang sekali gus memberi kesan kepada pembangunan kerjaya mereka.

Seterusnya, kajian terdahulu turut menyokong kepentingan faktor luaran seperti pengetahuan dan persekitaran dalam pemilihan kerjaya. [Zairoslawanee \(2014\)](#) menjelaskan bahawa individu sering dipengaruhi oleh maklumat dan faktor sekeliling dalam menentukan arah tuju kerjaya mereka. Dalam kajian lain, [Nora et al. \(2020\)](#) melaporkan bahawa faktor seperti minat, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman memainkan peranan penting dalam mengurangkan ketidakpastian kerjaya dalam kalangan pelajar kerja sosial. Malah, pelajar yang memiliki asas nilai dan praktis kerja sosial mampu menerokai pelbagai bidang kerjaya lain seperti guru, ustaz, chef, polis dan usahawan. Kesemua kerjaya ini secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan fungsi sosial masyarakat dan kesejahteraan hidup komuniti setempat.

Namun begitu, meskipun pelbagai dapatan kajian telah menonjolkan kepentingan kemahiran membuat keputusan dan ketidakpastian kerjaya, bukti empirikal yang secara langsung menghubungkan kesukaran membuat keputusan dengan ketidakpastian kerjaya masih terhad. Justeru, kajian lanjutan amat diperlukan bagi memperkukuh kefahaman terhadap hubungan ini dan membantu institusi pendidikan tinggi merangka intervensi yang lebih berkesan dalam membina keyakinan kerjaya siswazah.

3. Metod Kajian

3.1. Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian yang dipilih adalah kajian tinjauan. Kajian tinjauan dijalankan bagi membantu mengkategorikan fakta serta ciri-ciri populasi secara lebih tepat dan menyeluruh. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pendekatan kuantitatif dengan soal selidik bagi mendapatkan data secara menyeluruh ([Creswell, 2012](#)). Kajian kuantitatif membolehkan pengujian hubungan antara pemboleh ubah bebas (kesukaran membuat keputusan dan perspektif masa) serta pemboleh ubah bersandar (ketidakpastian kerjaya) dijalankan secara empirikal ([Creswell, 2012](#)).

3.2. Populasi dan Sampel

Bagi memastikan kajian ini mempunyai sampel yang mewakili populasi dengan tepat, penyelidik menggunakan pensampelan rawak sistematik. Prosedur persampelan sistematik digunakan bagi memastikan setiap unit atau subjek dalam sesebuah populasi mempunyai peluang yang sama rata untuk dipilih sebagai responden ([Cornesse et al., 2020](#)). Kaedah ini digunakan kerana penyelidik mempunyai senarai penuh populasi yang tersusun iaitu senarai siswazah Fakulti Pendidikan di UKM. Lokasi kajian ini telah ditetapkan di salah sebuah universiti awam iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia yang terletak di Bangi, Selangor. Pensampelan rawak sistematik digunakan bagi memilih siswazah di Fakulti Pendidikan yang akan terlibat dalam kajian. Secara kesuluruhannya, sampel yang terlibat dalam kajian ini ialah siswazah di Fakulti Pendidikan di UKM yang sudah menamatkan pengajian iaitu seramai 150 orang. Populasi kajian ini terdiri

daripada 600 orang siswazah Fakulti Pendidikan UKM. Walaupun jadual [Krejcie dan Morgan \(1970\)](#), mengesyorkan 234 saiz sampel, kajian ini mengekalkan 150 responden. Saiz ini ditentukan berdasarkan analisis kuasa [Cohen \(1992\)](#) yang menunjukkan 150 responden memadai untuk mengesan kesan kecil hingga ke kesan sederhana.

3.3. Pengumpulan Data

Instrumen utama dalam kajian ini ialah soal selidik melalui *Google Form* yang dibahagikan kepada empat bahagian utama. Bahagian A mengumpulkan maklumat demografi responden seperti jantina, bangsa, peringkat pengajian tertinggi dan status pekerjaan. Bahagian B menentukan tahap kesukaran membuat keputusan dalam kalangan siswazah di Fakulti Pendidikan di UKM menggunakan *Career Difficulties-Making Decision (CDMD)* oleh [Gati et al. \(1996\)](#). Bahagian C mengenal pasti jenis perspektif masa yang paling dominan dalam kalangan siswazah di Fakulti Pendidikan UKM menggunakan *Time Perspective Scale (ZTPI)* oleh [Zimbardo dan Boyd \(1999\)](#) manakala bahagian D menentukan tahap ketidakpastian kerjaya dalam kalangan siswazah di Fakulti Pendidikan UKM menggunakan *Career Indecision Profile-Short (CIP)* oleh [Xu dan Tracey \(2017\)](#). Soal selidik yang dibina telah disesuaikan mengikut konteks siswazah iaitu lepasan universiti yang pernah menuntut di UKM sebelum digunakan dalam kajian.

3.4. Kesahan dan Kebolehpercayaan

Dalam kajian ini, soal selidik asli telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Setelah proses penterjemahan selesai, soal selidik diberikan kepada dua orang penilai yang mempunyai kemahiran dalam bidang bahasa Melayu dan bahasa Inggeris bagi melakukan kesahan bahasa bagi memastikan bahasa yang digunakan dapat menggambarkan soalan dengan jelas dan tepat.

Satu kajian rintis telah dilaksanakan dengan melibatkan 34 orang responden dengan di lokasi kajian terpilih iaitu di Kota Bharu, Kelantan. Seramai 34 responden yang terdiri daripada siswazah di sebuah kolej telah terlibat. Dapatan kajian rintis dianalisis menggunakan nilai signifikan *Cronbach's Alpha* untuk menilai kebolehpercayaan bagi setiap item. Mengikut [Nunnally \(1978\)](#), nilai alpha yang terbaik adalah 0.80 dan ke atas. Konstruk-konstruk di bawah Kesukaran Membuat Keputusan terdiri daripada 34 item dan memperoleh nilai *Cronbach's Alpha* sebanyak 0.965, manakala konstruk Perspektif Masa yang Dominan merangkumi 17 item dengan nilai *Cronbach's Alpha* yang lebih tinggi iaitu 0.863. Konstruk-konstruk di bawah Ketidakpastian Kerjaya pula merangkumi 20 item dengan nilai *Cronbach's Alpha* yang lebih tinggi iaitu 0.915. Ketiga-tiga nilai ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi, sekali gus membuktikan bahawa item-item yang digunakan adalah konsisten dan sesuai digunakan.

3.5. Kaedah Penganalisan Data

Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 27.0. Dua jenis analisis telah dijalankan iaitu analisis statistik deskriptif dan inferensi. Bagi analisis deskriptif, nilai min, sisihan piawai dan kekerapan digunakan untuk menggambarkan tahap kesukaran membuat keputusan, jenis perspektif masa yang dominan serta tahap ketidakpastian kerjaya dalam kalangan siswazah. Sementara itu, bagi analisis inferensi, ujian korelasi *Spearman* digunakan untuk menilai hubungan antara kesukaran membuat keputusan dengan ketidakpastian kerjaya. Skala Likert 5 mata yang diadaptasi daripada [Nunnally \(1978\)](#) digunakan dalam kajian ini

bagi menilai Bahagian B (Kesukaran Membuat Keputusan), Bahagian C (Jenis Perspektif Masa yang Dominan) dan Bahagian D (Ketidakpastian Kerjaya) dalam instrumen soal selidik. Kajian ini merujuk jadual interpretasi pekali korelasi yang dicadangkan oleh Cohen (1988). Nilai pekali korelasi antara 0.50 hingga 1.00 menunjukkan hubungan yang kuat antara dua pemboleh ubah. Nilai antara 0.30 hingga 0.49 pula menunjukkan hubungan yang sederhana, manakala nilai antara 0.10 hingga 0.29 menggambarkan hubungan yang lemah.

4. Hasil Kajian

4.1. Profil Demografi Responden

Taburan kekerapan dan peratusan responden dikira berdasarkan jantina, bangsa, peringkat pengajian tertinggi dan status pekerjaan. Daripada jumlah keseluruhan seramai 150 siswazah, majoriti adalah siswazah perempuan iaitu seramai 90 orang (60.0%), manakala siswazah lelaki berjumlah 60 orang (40.0%). Dari segi latar belakang bangsa, kebanyakan responden terdiri daripada kaum Melayu dengan bilangan seramai 131 orang (87.3%). Ini diikuti oleh responden berbangsa Cina seramai 14 orang (9.3%), India seramai 2 orang (1.3%) dan bangsa lain sebanyak 3 orang (2.0%). Sementara itu, bagi latar belakang peringkat pengajian tertinggi, responden paling ramai terdiri daripada lepasan ijazah sarjana muda iaitu 93 orang (62.0%), diikuti oleh lepasan diploma seramai 40 orang (26.7%). Seramai 16 orang lepasan sarjana atau bersamaan 10.7% dan 1 orang lepasan doktor falsafah bersamaan 7% yang juga telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Bagi status pekerjaan, seramai 118 orang responden bersamaan 78.7% bekerja manakala seramai 32 orang atau 21.3% responden tidak bekerja. Secara keseluruhan, hasil taburan ini menunjukkan bahawa kumpulan responden didominasi oleh siswazah perempuan, bangsa Melayu, lepasan ijazah sarjana muda dan majoriti responden yang bekerja.

4.2. Tahap Kesukaran Membuat Keputusan dan Tahap Ketidakpastian Kerjaya

Jadual 1 menunjukkan analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai dilaksanakan untuk menentukan tahap kesukaran membuat keputusan dalam kalangan siswazah di Fakulti Pendidikan. Jadual 1 menunjukkan bahawa tahap kesukaran membuat keputusan dalam kalangan siswazah di Fakulti Pendidikan UKM berada pada tahap sederhana rendah dengan nilai skor Min = 2.84 dan SP = 1.11.

Jadual 1: Tahap Kesukaran Membuat Keputusan dalam Kalangan Siswazah di Fakulti Pendidikan

	N	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Tahap Kesukaran Membuat Keputusan	150	2.84	1.11	Sederhana Rendah

Jadual 2 menunjukkan analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai dilaksanakan untuk menentukan tahap ketidakpastian kerjaya dalam kalangan siswazah di Fakulti Pendidikan. Jadual 2 menunjukkan bahawa tahap ketidakpastian kerjaya dalam kalangan siswazah di Fakulti Pendidikan UKM berada pada tahap sederhana rendah dengan nilai skor Min = 2.97 dan SP = 1.01

Jadual 2: Tahap Ketidakpastian Kerjaya dalam Kalangan Siswazah di Fakulti Pendidikan UKM

	N	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Tahap Ketidakpastian Kerjaya	150	2.97	1.01	Sederhana rendah

4.3. Jenis Perspektif Masa yang Paling Dominan dalam Kalangan Siswazah di Fakulti Pendidikan UKM

Jadual 3 menunjukkan analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai yang dilaksanakan untuk menentukan jenis perspektif masa yang paling dominan dalam kalangan siswazah di Fakulti Pendidikan. Jadual 3 menunjukkan bahawa jenis perspektif masa yang paling dominan dalam kalangan siswazah di Fakulti Pendidikan UKM adalah perspektif masa hadapan yang berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai skor Min = 3.39 dan SP = 1.23. Jenis perspektif masa hadapan mencatat nilai min paling tinggi dalam kalangan responden antara kelima-lima jenis perspektif manakala jenis perspektif masa yang paling rendah dalam kalangan responden adalah perspektif masa lalu negatif iaitu nilai skor Min = 2.86 dan SP = 1.158.

Jadual 3: Jenis Perspektif Masa yang Paling Dominan dalam Kalangan Siswazah di Fakulti Pendidikan UKM

	N	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Jenis Perspektif Masa yang Dominan (Perspektif Masa Hadapan)	150	3.39	1.23	Sederhana Tinggi

4.4. Hubungan antara Kesukaran Membuat Keputusan dengan Ketidakpastian Kerjaya

Jadual 4 menunjukkan analisis hubungan antara kesukaran membuat keputusan dengan ketidakpastian kerjaya siswazah di Fakulti Pendidikan UKM.

Jadual 4 Hubungan antara Kesukaran Membuat Keputusan dengan Ketidakpastian Kerjaya

			Kesukaran Membuat Keputusan	Ketidakpastian Kerjaya
Pekali <i>Spearman</i>	Kesukaran Membuat Keputusan	Pekali Korelasi Signifikan	1	.735* <0.001
	Ketidakpastian Kerjaya	Pekali Korelasi Signifikan	.735* <0.001	1

* Signifikan diuji pada aras 0.01

Jadual 4 menunjukkan hubungan antara kesukaran membuat keputusan dan ketidakpastian kerjaya dalam kalangan siswazah di Fakulti Pendidikan UKM. Hasil kajian mendapati hasil pekali korelasi *Spearman* mempunyai hubungan yang kuat antara

kesukaran membuat keputusan dan ketidakpastian kerjaya $r=0.735$ ($r(150) = 0.735$, $p<0.01$) dan terdapat hubungan yang signifikan.

5. Kesimpulan

Sebahagian siswazah di Fakulti Pendidikan UKM mempunyai tahap kesukaran membuat keputusan pada tahap sederhana rendah. Ini menunjukkan bahawa siswazah masih mengalami kebimbangan, kekeliruan dan ketidakpastian dalam proses membuat serta menentukan keputusan penting berkaitan kerjaya. Kajian ini disokong oleh [Rochat \(2019\)](#) yang menyatakan bahawa ramai individu, khususnya golongan muda, menghadapi kesukaran dalam menentukan hala tuju kerjaya apabila terpaksa memilih antara pendidikan, vokasional atau pekerjaan yang diminati. Menurut [Farnia, Nafukho, dan Petrides \(2018\)](#) serta [Yusran, Puad, dan Omar \(2021\)](#), golongan muda yang berada dalam fasa peralihan daripada alam pengajian ke dunia pekerjaan sering dilanda kebimbangan dan kekeliruan dalam membuat keputusan kerjaya, dan menyebabkan dilema. [Nadzri et al. \(2015\)](#) yang menjelaskan bahawa pelajar di peringkat pengajian tinggi sangat memerlukan bimbingan dan maklumat kerjaya yang jelas bagi membantu mereka membuat keputusan yang lebih terarah.

Sebahagian siswazah di Fakulti Pendidikan UKM mempunyai perspektif masa hadapan (*future time perspective*) sebagai jenis perspektif masa yang paling dominan. Ia menunjukkan bahawa para siswazah cenderung memfokuskan pemikiran dan perancangan ke arah masa depan dengan harapan dan keinginan untuk mencapai matlamat kehidupan dan kerjaya mereka. Kajian ini disokong oleh [McElheran \(2012\)](#) dan [Strand \(2009\)](#) yang menyatakan individu yang dipacu oleh janji dan peluang masa hadapan lazimnya memiliki keupayaan berfikir secara spekulatif, bersifat fleksibel, mudah menyesuaikan diri serta tinggi tahap kreativiti mereka, termasuk dalam menyelesaikan masalah secara kreatif. Hal ini sejajar dengan keupayaan siswazah dalam membuat keputusan secara cepat dan efisien, di samping sifat sosial yang terbuka dan bersedia menghadapi cabaran baharu.

Walaupun siswazah mempunyai sedikit hala tuju terhadap masa depan kerjaya mereka, masih wujud kebimbangan dan ketidakpastian dalam membuat keputusan berkaitan laluan kerjaya. Ini menunjukkan bahawa ketidakpastian kerjaya menjadi sebahagian daripada dilema yang perlu diatasi oleh siswazah dalam dunia kerjaya masa kini yang tidak terjamin. Kajian ini disokong oleh [Turner \(1975\)](#) dan [Menéndez \(2016\)](#) menekankan bahawa pelajar universiti berada pada fasa perkembangan identiti, menjadikan mereka mudah terkesan terhadap kebimbangan mengenai identiti dan hala tuju kerjaya. Dalam kajian tersebut, para pelajar digambarkan mengalami tekanan psikologi walaupun masih belum memasuki dunia pekerjaan, kerana mereka sedar bahawa laluan kerjaya pada hari ini jarang bersifat jelas, tetap dan terjamin.

Siswazah yang mengalami tahap kesukaran membuat keputusan yang tinggi turut cenderung mengalami ketidakpastian yang tinggi terhadap hala tuju kerjaya mereka. Kajian ini turut disokong oleh dapatan [Gati et al. \(1996\)](#) serta [Saka dan Gati \(2007\)](#) yang menyatakan bahawa motivasi yang rendah dan identiti sendiri yang kabur merupakan faktor penyumbang utama kepada kesukaran membuat keputusan kerjaya. Sebahagian besar siswazah di Fakulti Pendidikan UKM mempunyai perspektif masa hadapan (*future time perspective*) sebagai jenis perspektif masa yang paling dominan dengan nilai min paling tinggi antara kelima-lima jenis perspektif masa. Ini membuktikan bahawa siswazah yang mempunyai gambaran masa depan kerjaya yang jelas. Kajian oleh [Taber dan](#)

Blankemeyer (2015) turut menyatakan bahawa perspektif masa hadapan yang kukuh meninggalkan impak yang positif terhadap perancangan kerjaya dan mengurangkan kebarangkalian untuk mengalami keraguan dalam membuat keputusan kerjaya.

Kesimpulannya, kesukaran membuat keputusan dilihat sebagai halangan utama dalam perancangan kerjaya, khususnya apabila siswazah menghadapi ketidaktentuan dalam pasaran pekerjaan. Di samping itu, siswazah yang memiliki perspektif masa depan yang tinggi cenderung untuk mempunyai perancangan yang lebih terarah dan proaktif dalam meniti alam kerjaya, sekali gus mengurangkan keraguan dan kebimbangan terhadap masa depan kerjaya.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia iaitu responden dalam kalangan siswazah telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada pensyarah penyelia dan para pensyarah yang telah banyak memberikan tunjuk ajar. Sekalung penghargaan buat semua responden dan semua pihak yang terlibat dalam proses untuk menyiapkan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdullah, N., Hussin, N., Shonubi, O. A., Ghazali, S. R., & Talib, M. A. (2018). Career decision making competence, self-knowledge, and occupational exploration: a model for university students. *Journal of Technical Education and Training*, 10(1). <https://doi.org/10.30880/jtet.2018.10.01.006>
- Amir, T., & Gati, I. (2006). Facets of career decision-making difficulties. *British Journal of Guidance & Counselling*, 34(4), 485-503. <https://doi.org/10.1080/03069880600942608>
- American College Testing Program. (2000, August). *Table 10: Average ACT composite scores by career cluster*. Iowa City, IA: ACT, Inc.

- Baguri, E. M., Roslan, S., & Ahmad, N. (2020). Time perspective as predictors of academic Procrastinations. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(16), 351-366. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v10-i16/8317>
- Campagna, C. G., & Curtis, G. J. (2007). So worried I don't know what to be: Anxiety is associated with increased career indecision and reduced career certainty. *Australian Journal of Guidance and Counselling*, 17(1), 91-96. <https://doi.org/10.1375/ajgc.17.1.91>
- Carvalho, R. G. G. (2015). Future Time Perspective as a Predictor of Adolescents' Adaptive Behavior In School. *School Psychology International*, 36(5), 482-497. <http://doi.org/10.1177/0143034315601167>.
- Cohen, J. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences* (2nd ed.) Lawrence Erlbaum Associates.
- Cohen, J. (1992). Statistical power analysis. *Current Directions in Psychological Science*, 1(3), 98-101. <https://doi.org/10.1111/1467.ep10768783>
- Cornesse, C., Blom, A. G., Dutwin, D., Krosnick, J. A., De Leeuw, E. D., Legleye, S., & Wenz, A. (2020). A review of conceptual approaches and empirical evidence on probability and nonprobability sample survey research. *Journal of Survey Statistics and Methodology*, 8(1), 4-36.
- Creed, P., Prideaux, L.-A., & Patton, W. (2005). Antecedents and consequences of career decisional states in adolescence. *Journal of Vocational Behavior*, 67(3) 397-412. <https://doi.org/10.1016/j.jvb.2004.08.008>
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. (4th ed.). Pearson.
- Farnia, F., Nafukho, F. M., & Petrides, K.V. (2018). Predicting career decision-making difficulties: The role of trait emotional intelligence, positive and negative emotions. *Frontiers in Psychology*, 9(1107) 1-6 . <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2018.01107>
- Gati, I., Levin, N., & Landman-Tal, S. (2019). Decision-making models and career guidance. In J. A. Athanasou & H. N. Perera (Eds.), *International handbook of career guidance* (2nd ed., pp. 115-145). Springer. https://doi.org/10.1007/978-3-030-25153-6_6
- Gati, I., Krausz, M., & Osipow, S. H. (1996). A taxonomy of difficulties in career decision making. *Journal of Counseling Psychology*, 43(4), 510-526. <https://doi.org/10.1037/0022-0167.43.4.510>
- Hackett, G., & Betz, N. E. (1995). Self-efficacy and career choice and development. In J. E. Maddux (Ed.), *Self-efficacy, adaptation, and adjustment: Theory, research, and application* (pp. 249-280). Springer. https://doi.org/10.1007/978-1-4419-6868-5_9
- Hartman, B. W., Fuqua, D. R., Blum, C. R., & Hartman, P. T. (1985). A study of the predictive validity of the Career Decision Scale in identifying longitudinal patterns of career indecision. *Journal of Vocational Behavior*, 26(2) 154-163. [https://doi.org/10.1016/0001-8791\(85\)90037-1](https://doi.org/10.1016/0001-8791(85)90037-1)
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- McElheran, J. N. (2012). *Time perspective, well-being, and hope* (Master's thesis, University of Alberta) Education and Research Archive. <https://era.library.ualberta.ca/items/744e075c-d20b-4c88-ab31-d611d5ffabfb>
- Menéndez, R. (2016). *The social meanings of authenticity: An empirical study of university students* [Doctoral dissertation, La Trobe University]. La Trobe University Research Repository. https://opal.latrobe.edu.au/articles/thesis/The_social_meanings_of_authenticity_a_n_empirical_study_of_university_students/21853296

- Nadzri, S., Rosli, N. A., Bakar, N. S., & Baharudin, N. A. (2015). Faktor keluarga, ganjaran, dan kesukaran memperolehi pekerjaan mempengaruhi kerjaya yang diceburi alumni KUIS. *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015 (2ndICoMM)*, Bangi, Selangor, Malaysia.
- Nora Sawal, Khadijah Alavi, Fauziah Ibrahim & Nor Jana Saim. (2020). Kesiediaan laluan kerjaya dalam kalangan pelajar kerja sosial di Universiti Kebangsaan Malaysia (Readiness of career path among social work students in Universiti Kebangsaan Malaysia). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34(2), 28–38. <https://journalarticle.ukm.my/14896/>
- Nunnally, J. C. (1978). *An Overview of Psychological Measurement* (Wolman, B. B., Ed). Plenum Press
- Poynton, T. A., & Lapan, R.T. (2017). Aspirations, achievement, and school counselors' impact on the college transition. *Journal of Counseling & Development*, 95(4) 369–378. <https://doi.org/10.1002/jcad.12152>
- Rochat, S. (2019). The Career Decision-Making Difficulties Questionnaire: A case for item-level interpretation. *The Career Development Quarterly*, 67(3), 205-219. <https://doi.org/10.1002/cdq.12191>
- Saka, N., & Gati, I. (2007). Emotional and personality-related aspects of career-decision-making difficulties. *Journal of Vocational Behavior*. 71(3), 340–358. <https://doi.org/10.1016/j.jvb.2007.08.003>
- Storme, M., & Celik, P. (2018). Career exploration and career decision-making difficulties: The moderating role of creative self-efficacy. *Journal of Career Assessment*, 26(3), 445-456. <https://doi.org/10.1177/1069072717714540>
- Strand, K. H. (2009). *Behavioral effects of consideration of future consequences and time perspective on self-regulation and procrastination in mastery and performance-oriented college students* (Publication No. 3448065) [Doctoral dissertation, University of Houston]. ProQuest Dissertations & Theses Global.
- Taber, B. J., & Blankemeyer, M. (2015). Future work self and career adaptability in the prediction of proactive career behaviors. *Journal of Vocational Behavior*, 86, 20–27. <https://doi.org/10.1016/j.jvb.2014.10.005>
- Turner, R. (1975). Is There a Quest for Identity? *The Sociological Quarterly*, 16(2) 148–161. <https://www.jstor.org/stable/4105756>
- Vignoli, E. (2009). Inter-relationships among attachment to mother and father, self-esteem, and career indecision. *Journal of Vocational Behavior*, 75, 91–99. <https://doi.org/10.1016/j.jvb.2009.04.007>
- Xu, H., & Tracey, T. J. G. (2017). Development of an abbreviated career indecision profile-65 using item response theory: The CIP-short. *Journal of Counseling Psychology*, 64(2), 222-232. <https://doi.org/10.1037/cou0000182>
- Yusran, N. A., Puad, M. H. M., & Omar, M. K. (2021). Role of career exploration in influencing career choice among pre-university student. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 29(S1), 77–99. <https://doi.org/10.47836/pjssh.29.S1.05>
- Zairoslawanee Zaib. (2014). *Pemilihan kerjaya pelajar tingkatan enam atas di sekolah menengah kluster di Kelantan* (Laporan projek sarjana muda, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia). Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Zimbardo, P. G., & Boyd, J. N. (1999). Putting time in perspective: a valid, reliable individual-differences metric. *Journal of Personality and Social Psychology*, 77(6), 1270-1288. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.77.6.1271>